

01 JUN 2003

Mahathir-Lawatan/I

HOTEL IMPERIAL TOKYO TUNGGU KETIBAAN DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 1 Jun (Bernama) -- Imperial Hotel, kira-kira satu jam 30 minit perjalanan dari Lapangan Terbang Narita, sudah bersiap-sedia menunggu ketibaan tetamu dari Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir yang dijadual tiba di sini untuk lawatan kerja lima hari mulai esok, selepas menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Negara Bukan Anggota di Evian, Perancis, adalah tetamu tetap hotel lima bintang itu.

"Saya tidak ingat berapa kali Perdana Menteri anda tinggal di hotel ini tetapi kebiasaannya Dr Mahathir akan menginap di sini setiap kali berada di Jepun," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Seperti tahun sebelumnya, majlis menyambut ketibaan Dr Mahathir akan diadakan secara ringkas, tetapi penuh rasa hormat, selain kawalan keselamatan 24 jam yang ketat telah dilaksanakan di hotel itu, kata Hiroshi Yamamoto, Pengurus Protokol di Imperial Hotel.

"Dr Mahathir adalah negarawan hebat dan telah membawa banyak perubahan kepada negara anda. Dan, Jepun telah menikmati hubungan yang baik dengan Malaysia sejak beliau menjadi Perdana Menteri (pada 1981)," kata Yamamoto yang juga mengetahui Dr Mahathir akan bersara Oktober ini.

Tiga pemimpin Asean lain juga dijadual mengindap di hotel berkenaan.

Presiden Filipina Arroyo Gloria Macapagal, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, dijadual mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di hotel itu pada Khamis, kata Yamamoto.

Hari ini, tetamu asing, termasuk dari Malaysia, sudah mula tiba di hotel itu yang pernah menjadi tempat penginapan Sultan Hassanah Bolkuah dari Brunei.

Pada Piala Dunia tahun lepas, Canselor Jerman Gerhard Schroeder turut menginap di hotel itu.

-- BERNAMA

SS KHY AO LAT